

19 FEB 1998

Mahathir - pelabur

SEKARANGLAH MASA UNTUK MELABUR DI MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

KUDAT, 19 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempelawa pelabur asing melabur di negara ini kerana sekaranglah masanya untuk mereka berbuat demikian.

"Sebenarnya, bagi pelabur, inilah masanya untuk melabur kerana wang mereka sekarang mempunyai nilai lebih tinggi daripada segi ringgit. Oleh kerana Malaysia tidak mengalami inflasi, ini bermakna mereka boleh membeli ringgit dengan mata asing yang kurang.

"Maka, pelaburan mereka di negara ini menjadi kurang daripada segi mata wang mereka sendiri," katanya ketika melancarkan projek dan merasmikan upacara memecah tanah kilang keluli bersepadu milik Nusantara Steel Group Sdn Bhd di Kampung Limau-Limauan, 50km dari sini.

Perdana Menteri menolak tanggapan kononnya pelabur asing hilang keyakinan terhadap negara ini ekoran kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang.

"Pelabur jangka panjang terus mempunyai keyakinan terhadap negara ini. Mereka tidak keluar dan jika mereka terpaksa mengurangkan sedikit pengeluaran, ianya kerana pasaran dunia semakin mengecil," katanya.

Ketika berucap kepada 2,000 orang termasuk beberapa tokoh korporat asing yang hadir pada upacara itu di satu kawasan terpencil di Kudat, Dr Mahathir berkata pelabur asing yang mampu mengeluarkan barangan untuk eksport atau bagi kegunaan tempatan, telah terus berbuat demikian.

"Sebaliknya, mereka perlu menambah pelaburan mereka di negara ini dan terdapat pelabur baru yang akan datang dengan pelaburan yang besar seperti lebih RM4 bilion dalam sektor teknologi maklumat," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin pelabur tidak akan rugi walaupun mengakui bahawa "perniagaan tidaklah mudah kerana adakalanya untung, adakalanya tidak."

"Tetapi saya berpendapat bahawa kita harus yakin terhadap masa depan dan kita perlu melabur menjelang pemulihan ekonomi di negara ini," katanya.

Mengenai tindakan pelabur jangka pendek yang dikatakan meninggalkan negara ini, Dr Mahathir berkata ia tidak harus dianggap sebagai hilang keyakinan.

"Ia sekadar (kerana adanya) peluang untuk meraih keuntungan cepat yang mendorong mereka menjual saham yang mereka beli pada harga rendah dan yang kemudian naik, dan oleh itu, mereka mengaut keuntungan besar apabila menjualnya," katanya.

Perdana Menteri juga bercakap mengenai pentingnya dunia diberitahu mengenai keupayaan ekonomi Malaysia untuk terus berkembang.

"Itulah sebabnya kita menyambut baik pelabur dan saya gembira kerana terdapat pelabur dari begitu banyak negara melabur dalam kilang keluli (Nusantara Steel Group) ini," katanya.

Beliau juga bangga kerana rakyat Malaysia tetap tabah dan terus bekerja kuat ketika negara menghadapi masalah ekonomi.

Mengenai projek kilang itu, beliau berkata, ia satu contoh tentang kejayaan Malaysia yang memberikan wajah baru yang lebih moden dan canggih kepada kawasan terpencil yang sebelum ini tidak menikmati pembangunan.

Kilang keluli bersepadu itu yang berharga RM5 bilion dan yang kedua seumpamanya selepas sebuah di Mexico, dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi Kudat, yang dikenali sebagai antara daerah termiskin di negara ini.

Pengerusi Nusantara Steel Group Tunku Abdullah Tunku Abdul Rahman

berkata Kudat dipilih untuk projek itu kerana lokasinya yang strategik dan menguntungkan kerana terdapat sumber gas asli di kawasan berdekatan dan adanya pelabuhan laut dalam untuk membantu memenuhi keperluan industri berat. -- BERNAMA

JS MAI